

12 DEC 1998

Mohamed-Ekonomi

JANGAN MUDAH TERPERANGKAP DENGAN TAKTIK BARAT, KATA MOHAMED RAHMAT

JOHOR BAHRU, 12 Dis (Bernama) -- Menteri Penerangan Datuk Seri Mohamed Rahmat meminta rakyat supaya berwaspada dan tidak mudah terperangkap dengan taktik Barat yang menjadikan isu ekonomi sebagai alat untuk menguasai negara-negara yang bebas di rantau ini.

Katanya Thailand, yang tidak pernah dijajah sebelum ini, akhirnya terperangkap dan telah "dijajah" semata-mata disebabkan oleh kegawatan ekonomi yang melanda negara itu dan terpaksa menuruti langkah-langkah yang dicadangkan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Dalam pada itu, Indonesia, yang sudah sekian lama diduduki penjajah, telah dijajah semula oleh kerana tekanan ekonomi, katanya kepada pemberita selepas merasmikan surau Taman Desa Harmoni di sini, hari ini.

Oleh itu, beliau berkata rakyat negara ini hendaklah memberikan sokongan kepada kerajaan dalam apa jua langkah yang diambil untuk memulihkan semula ekonomi negara kerana sokongan padu rakyat penting bagi menentukan kejayaan.

Menurutnya cara Malaysia menyelesaikan masalah ekonominya tanpa mengundang campur tangan pihak asing merupakan langkah yang paling tepat untuk menghindarkan diri daripada dijajah oleh pihak asing.

"Kita tahu dasar kita untuk mengekalkan kekayaan di tangan rakyat Malaysia adalah dasar yang paling baik," kata Mohamed.

Beliau berkata rata-rata rakyat Malaysia juga menyambut baik kebijaksanaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menyelesaikan masalah ekonomi negara.

Mengenai penubuhan Pergerakan Keadilan Sosial (Adil) yang dipimpin Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Mohamed berkata perlembagaan negara tidak melarang mana-mana pihak untuk berpersatuan asalkan mengikut undang-undang.

"Tetapi kita harap ia tidak disalah gunakan untuk memecah-belahkan rakyat dan menimbulkan keadaan "over-politicking" dalam negara. Kita sudah lihat wujudnya keadaan itu pada tahun 1969 akibat terlalu banyak parti politik ketika itu," katanya.

Bagaimanapun, Mohamed yang juga Setiausaha Agung Barisan Nasional (BN) percaya rakyat akan terus memberikan sokongan kepada BN memandangkan ia satu-satunya parti yang memberikan keadilan kepada semua.

"Jangan kata tidak ada keadilan di Malaysia. Rakyat berpuas hati... saya tidak fikir ada pertubuhan atau parti lain yang dapat memperjuangkan apa yang diperjuangkan oleh BN sekarang," katanya.

-- BERNAMA

MKO NAK